

Pemuda Umno ragui dasar 'turnkey'

PULAU PINANG, Isnin — Timbalan Ketua Pemuda Umno Malaysia, Datuk Najib Razak, meragui sama ada dasar 'turnkey' yang diamalkan oleh kerajaan sekarang dapat memberi peluang kepada pemborong-pemborong kecil merebut tender-tender yang disediakan.

Katanya, dasar itu ternyata mengutamakan pemborong-pemborong bermodal besar.

Berucap di majlis penutup satu seminar ekonomi di sini semalam, Datuk Najib berkata, ada kira-kira 100 pemborong Bumiputera kelas FE dan EY yang dulunya mendapat peluang merebut tender kini tersadal kerana dahagakan peluang tender.

Menurut beliau, masalah ini perlu diselesaikan segera bagi membolehkan pemborong kecil tidak tercicir dalam arus persaingan merebut kekayaan di negeri ini.

Datuk Najib yang juga Menteri Besar Pahang menggesa ahli-ahli Umno supaya mengawasi perjalanan, pelaksanaan dan penggubalan dasar-dasar kerajaan sama ada benar-benar menguntungkan orang Melayu atau sebaliknya.

"Dengan cara inilah kerajaan dapat memperbaiki segala kekurangan dan kelemahan dasar-dasar itu dan membolehkan kerajaan bertindak dengan linc dan berkesan."

Datuk Najib menegaskan betapa pentingnya usahawan-usahawan muda didedahkan dengan pelbagai latihan dan kemahiran yang boleh memberi mereka 'kepintaran urusan' agar mereka bukan saja boleh mengesan peluang-peluang perniagaan tetapi mengeksploitasinya.

Salah satu masalah yang dihadapi oleh usahawan dan peniaga Bumiputera, katanya, ialah ketiadaan pembekal dari bangsa sendiri.

Ini menyebabkan mereka terpaksa berdepan dengan syarat-syarat yang tidak memuaskan.

"Untuk menyelesaikan masalah ini kita perlu melahirkan pembekal dan pekilang dari kalangan orang Melayu sendiri, dan untuk mencapai tujuan ini memang banyak dugaan yang perlu dihadapi.